

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 SEPTEMBER 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4

RMK12: Belanja RM415 bilion

Tampung keperluan asas rakyat, anjakan baharu noktah kemiskinan

RMK12: Belanja RM415 bilion

DEWAN RAKYAT

Oleh RASDAN AHMAD

KUALA LUMPUR — Peruntukan sebanyak RM400 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) akan dibelanjakan dengan menambah siling RM15 bilion lagi yang menjadikan jumlah keseluruhannya RM415 bilion.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, peningkatan itu bagi menambah keperluan untuk membayai bidang keutamaan rakyat di samping memperbaiki mutu pengurusan dan menyasarkan semula subsidi bagi menampung keperluan asas rakyat.

"Anjakan baharu bermula dengan menoptahkan kemiskinan tegar, menyelesaikan masalah asas prasarana dan keperluan asas rakyat.

"Ia juga termasuk memperbaiki sekolah dan klinik daif, menjamin bekalan air bersih, serta merenaju ekonomi Islam," katanya ketika membentangkan Kajian Separuh Penggal (KSP) RMK12 di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata, RMK12 juga akan dijajarkan semula dengan visi Ekonomi Madani yang menyasarkan pemerksaan dan merancakkan ekonomi negara untuk tempoh sepuluh tahun.

Jelas Anwar, bagi merealisasikan hasrat itu, kerajaan komited untuk membelanjakan sekurang-



ANWAR ketika membentangkan Kajian Separuh Penggal (KSP) RMK12 bertemakan 'Malaysia Madani: Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi' di Dewan Rakyat semalam. — IHSAN JABATAN PENERANGAN

kurangnya RM90 billion setahun bagi tahun 2023 hingga 2025.

"RMK12 memperuntukkan RM400 billion bagi membayai projek pembangunan sambungan dan baharu untuk tempoh lima tahun.

"Bagi tempoh dua tahun pertama, prestasi perbelanjaan sebenar ialah 34 peratus, pada 2021 jumlah perbelanjaan pembangunan hanyalah sebanyak RM64.3 billion, sementara pada 2022 jumlahnya adalah sebanyak RM71.6 billion," katanya.

Menurut Perdana Menteri, KSP RMK12 akan menyemak semula dasar, strategi dan sasaran secara menyeluruh dengan

mengambil kira kesenjangan pembangunan kota, desa dan pedalaman dan juga miskin-kaya yang masih wujud, hutang yang membengkak, ruang fiskal yang terhad dan peralihan struktur ekonomi yang perlahan.

Katanya, dalam tempoh masa yang singkat juga, pelbagai langkah proaktif telah diambil oleh kerajaan untuk mengembalikan Malaysia ke landasan pertumbuhan yang betul.

"Hasilnya, dalam tempoh separuh pertama 2023, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara telah mencatatkan peningkatan sebanyak 4.2 peratus, didukung oleh kegiatan sektor

swasta dan perdagangan yang baik," katanya.

Sementara itu, katanya, prestasi pasaran buruh juga semakin baik dengan kadar produktiviti yang lebih tinggi, iaitu 3.7 peratus setahun bagi tempoh 2021-2022, manakala kadar pengangguran menurun kepada 3.5 peratus pada suku kedua 2023.

"Malah, kadar inflasi pada Julai 2023 telah menurun kepada 2.0 peratus, rekod terendah dalam tempoh 24 bulan.

"Pendapatan negara kasar per kapita lebih tinggi, iaitu RM52,968 (AS\$12,035) pada 2022 berbanding RM42,838 (AS\$10,191) pada 2020," katanya.